

BORANG PERMOHONAN PENIAGA PAKEJ 'ADVANCE' (B - TERMINAL DENGAN QR DUITNOW DINAMIK)



Notis Penting: Sila baca dan fahami terma dan syarat perkhidmatan sebelum anda membuat keputusan untuk memohon dan jika anda tidak memahami mana-mana terma dan syarat, anda boleh membuat penjelasan dengan Bank.

Ini ialah Borang PDF yang boleh diedit. Borang permohonan tulisan tangan tidak boleh diterima. Anda boleh menaip pada borang ini dan mencetaknya untuk diserahkan kepada Bank bagi tujuan pemprosesan. Sila gunakan huruf BESAR dan tandakan (✓) pada kotak jika berkenaan. Untuk panduan langkah demi langkah tentang cara mengisi borang ini, sila layari laman web CIMB di www.cimb.com.my/merchantsolutions. Sila serahkan Borang Permohonan yang telah lengkap diisi ke mana-mana cawangan CIMB.

 Pedagang Baru

 Pedagang Sedia Ada

Tarikh Permohonan

H	H	/	B	B	/	T	T	T	T
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

► MAKLUMAT PERNIAGAAN (WAJIB)

Nama Berdaftar

--

Jenis Perniagaan Teras

--

Nama Dagangan

--

Adakah sifat perniagaan ini melibatkan perkhidmatan pada masa hadapan?

 Ya

 Tidak

Nombor Pendaftaran Perniagaan

(Lama)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

(Baru)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Hanya abjad dan angka, tanpa ruang dibenarkan

Alamat Ibu Pejabat (HQ)

Alamat

Poskod					
Bandar					
Negeri					
Negara	Malaysia				

Nama Wakil Ibu Pejabat

--

Nombor Telephone Wakil Ibu Pejabat

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

 Alamat E-mel (untuk penghantaran e-Akses Log Masuk/
kegunaan Jabatan Kewangan)

--

Alamat Cawangan

Alamat

Poskod					
Bandar					
Negeri					
Negara	Malaysia				

Nama Wakil Cawangan

--

Nombor Telefon Wakil Cawangan

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Nama Pemeroleh Terdahulu

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Tarikh Penamatan

H	H	/	B	B	/	T	T	T	T
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

► JENIS PRODUK / KEMUDAHAN

Berikut ialah Kadar Diskaun Pedagang (MDR) bagi produk / kemudahan yang dipilih.

	Jenis Transaksi	MDR		
		Int.	Off-us	On-us
Terminal	QR DuitNow Dinamik (CASA)	0.35%	0.35%	0.35%
	QR DuitNow Dinamik (e-Dompet)	0.35%	0.35%	
	QR DuitNow Dinamik (Kad Kredit)	0.35%	0.35%	0.35%
	Kad Kredit Visa / Master	2.50%	1.10%	1.00%
	Kad Debit Visa / Master	2.50%	0.45%	0.40%
	Kad Prabayar	2.50%	0.45%	0.40%
	MyDebit		0.40%	0.40%
	QR Dinamik - TNG		0.80%	
	QR Dinamik - Alipay	1.00%		

On-us : Transaksi dengan kad/akaun CIMB

Off-us : Transaksi dengan kad / akaun / dompet elektronik lain

Int. (Antarabangsa): Transaksi daripada pengeluar negara asing

Untuk butiran lanjut tentang produk, sila layari www.cimb.com.my/merchantsolutions

Sila nyatakan jumlah keseluruhan terminal yang diperlukan untuk cawangan-cawangan tersebut:

Cawangan	Bilangan terminal yang diperlukan bagi setiap cawangan
Jumlah	

Nota: Terminal akan dihantar ke alamat cawangan. Caj sewaan terminal sebanyak RM50 sebulan bagi setiap peranti akan ditolak daripada hasil jualan Pedagang atau dicaj ke Akaun Yang Ditetapkan Pedagang, mengikut kesesuaian.

► AKAUN YANG DITETAPKAN PEDAGANG (WAJIB)

Saya / Kami ingin menandakan Akaun Semasa Perniagaan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank saya yang dinyatakan di bawah sebagai Akaun Yang Ditetapkan Pedagang, untuk tujuan pembayaran oleh pihak Bank secara kredit terus, yang merupakan hasil daripada perkhidmatan pedagang.

Nombor Akaun CIMB

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

► PENGAKUAN OLEH PEMOHON / PENANDATANGAN YANG DIBENARKAN BAGI PIHKAT PEMOHON

Dengan menandatangani Borang Permohonan ini, saya / kami mengesahkan bahawa:

1. Semua maklumat dalam borang permohonan ini adalah benar, tepat dan lengkap. CIMB Bank Berhad (“Bank”) diberi kuasa untuk bergantung pada rekodnya berhubung dengan butiran pemegang saham utama saya / kami, pemilik berfaedah muktamad, pengarah, rakan kongsi, pemilik tunggal, pemegang jawatan dan/atau individu yang diberi kuasa seperti yang dinyatakan berhubung dengan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank akaun semasa yang ditetapkan oleh saya / kami dalam borang permohonan ini (“Akaun yang Ditetapkan Pedagang”).
2. Saya / Kami tidak akan membenarkan dana daripada hasil sebarang aktiviti yang menyalah undang-undang untuk disalurkan melalui akaun(-akaun) saya / kami dengan Bank dan berikrar untuk memberikan Bank semua maklumat dan dokumen yang relevan, apabila diminta, untuk tujuan pengenalan saya / kami dan/atau pengesahan sumber dana saya / kami mengikut prinsip “Kenali Pelanggan Anda”.
3. Saya / Kami dengan ini berikrar untuk memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat yang diberikan dan/atau butiran yang berkaitan dengan Pemohon, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan dalam jenis perniagaan Pedagang dan/atau sekiranya terdapat sebarang dokumen, maklumat, pernyataan atau pengisyntiharan yang dikemukakan kepada Bank menjadi tidak tepat atau tidak benar pada bila-bila masa.
4. Pedagang beroperasi dari alamat ibu pejabat dan alamat cawangan yang dinyatakan dalam borang permohonan ini, dan tidak beroperasi dari alamat kediaman. Penggunaan Produk / Kemudahan hendaklah dilakukan dari lokasi / alamat yang dinyatakan tersebut, dan saya / kami hendaklah mengemukakan kepada Bank nama dan alamat yang telah dikemas kini dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perubahan dibuat.
5. Saya / Kami mengesahkan bahawa Bank diberi kuasa untuk mengesahkan dan/atau menjalankan sebarang semakan dan/atau mendapatkan sebarang maklumat dan/atau pengesahan daripada CCRIS atau mana-mana agensi rujukan/pelaporan kredit yang berdaftar di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010, dan untuk pihak tersebut memproses dan mendedahkan maklumat saya / kami kepada Bank bagi tujuan pertimbangan permohonan ini.

PENGAKUAN OLEH PEMOHON / PENANDATANGAN YANG DIBENARKAN BAGI PIHAK PEMOHON... SAMBUNGAN

Saya / Kami sedar bahawa maklumat tersebut mungkin termasuk maklumat tentang status saya / kami dan/atau mana-mana pengarah, pemegang saham, pegawai, dan/atau mana-mana orang, individu dan/atau entiti lain yang berkaitan dengan dan/atau dikaitkan dengan saya/kami. Saya / Kami juga membentarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan mana-mana maklumat kredit saya / kami kepada mana-mana agensi pelaporan kredit tersebut dan bagi mereka untuk terus menghantar maklumat tersebut kepada pelanggan mereka untuk tujuan pengesahan penipuan dan pencegahan penipuan.

6. Saya / Kami dengan ini bersetuju bahawa borang permohonan yang lengkap ini akan menjadi milik dan kekal sebagai hak milik Bank tanpa mengira sama ada permohonan ini diluluskan, dan Bank berhak untuk menolak permohonan saya / kami mengikut budi bicara Bank tanpa sebarang alasan. Sebarang dokumen yang dikemukakan oleh saya / kami kepada Bank tidak boleh dipulangkan. Saya / Kami bersetuju untuk menyediakan sebarang dokumen tambahan yang diminta oleh Bank bagi tujuan pemprosesan permohonan saya / kami.
7. Saya / Kami memberi kuasa kepada Bank untuk menolak caj sewaan terminal, caj pembaca Plug n Pay dan/atau yuran langganan Tap n Pay (jika berkenaan), diskaun pedagang, bayaran dan caj dan jumlah wang lain (jika ada) yang perlu dibayar kepada Bank yang timbul daripada perkhidmatan pedagang (secara kolektif "**Bayaran dan Caj**") daripada hasil jualan saya / kami dan/atau untuk mendebit atau menyebabkan Bayaran dan Caj tersebut didebitkan daripada Akaun Yang Ditetapkan Pedagang tanpa rujukan lanjut kepada saya / kami.
8. Saya / Kami dengan ini berikrar untuk mengekalkan dana yang mencukupi dalam Akaun Yang Ditetapkan Pedagang pada setiap masa bagi membayar Bayaran dan Caj serta apa-apa bayaran lain yang perlu saya / kami lakukan daripada Akaun Yang Ditetapkan Pedagang termasuk cek yang dikeluarkan (jika ada). Saya / Kami bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang fitnah dan/atau pelanggaran kontrak dan/atau sebarang kerugian, kerosakan, perbelanjaan, kos atau caj yang mungkin dituntut akibat daripada tindakan Bank membuat pemotongan menurut kebenaran saya / kami di atas dan/atau disebabkan oleh sebarang catatan yang diletakkan pada cek yang dipulangkan oleh Bank dan/atau sekiranya cek yang dikeluarkan dipulangkan akibat dana tidak mencukupi dalam Akaun Yang Ditetapkan Pedagang.
9. Saya / Kami dengan ini bersetuju bahawa Produk / Kemudahan yang disediakan, jika ada, akan tertakluk kepada:
 - (i) terma dan syarat borang permohonan ini;
 - (ii) Surat Pemberitahuan Kelulusan yang akan dikeluarkan dan dihantar oleh Bank kepada Pemohon setelah permohonan ini diluluskan;
 - (iii) Terma dan Syarat Perkhidmatan Pedagang yang dibaca bersama dengan lampiran yang berkenaan seperti yang diterbitkan di laman web Bank di www.cimb.com.my/merchantsolutions; dan
 - (iv) Dasar dan Prosedur Operasi PayNet(secara kolektif terma dan syarat yang dinyatakan dalam perkara (i) hingga (iv) di atas hendaklah dirujuk sebagai "**Terma**").
Saya / Kami menggunakan Produk / Kemudahan Bank menandakan saya / kami menerima Terma tanpa syarat.
10. Saya / Kami bersetuju dengan penghalaan semua transaksi kad debit saya / kami kepada penghalaan kad debit kos terendah. Saya / kami faham bahawa jika saya / kami memutuskan untuk menarik diri daripada pilihan kos terendah dan bersetuju untuk membayar lebih untuk menghalakan semua transaksi kad debit saya/kami ke rangkaian MyDebit atau rangkaian Visa/Mastercard, saya / kami perlu memberitahu Bank secara bertulis melalui borang standard Bank.
11. Saya / Kami memberi jaminan kepada Bank bahawa saya / kami akan mengendalikan Produk / Kemudahan berdasarkan keperluan Piawaian Keselamatan Data Industri Kad Pembayaran (PCI-DSS) yang ditetapkan oleh Majlis Piawaian Keselamatan PCI (PCI SSC) (jika berkenaan).
12. Saya / Kami juga memahami terma-terma penting berikut sepenuhnya yang telah dinyatakan secara khusus kepada saya / kami:
 - (i) Surat Pemberitahuan Kelulusan Bank ialah surat yang dijana komputer yang mengandungi Bayaran dan Caj serta terma komersial lain, dan hendaklah dibaca bersama serta menjadi sebahagian daripada Terma-terma tersebut.
 - (ii) Jika mana-mana individu mempertikaikan kesahihan mana-mana transaksi atau jika saya / kami melanggar mana-mana kewajipan saya / kami, Bank boleh mengenakan bayaran semula transaksi dan mendebit atau menyebabkan pendebitan yang sama daripada akaun saya / kami dan/atau Bank boleh menolak untuk membayar saya / kami jumlah transaksi tersebut. Kebenaran sebarang transaksi bukanlah jaminan pembayaran oleh Bank.
 - (iii) Jika saya/kami gagal memberikan kepada Bank apa-apa maklumat atau dokumen yang diminta secara munasabah oleh Bank dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari permintaan Bank, atau sekiranya Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa saya/kami telah melanggar atau bermati untuk melanggar mana-mana Terma atau transaksi penyelesaian yang mencurigakan atau luar biasa dikesan atau disebabkan oleh sebarang sebab kawal selia, Bank boleh menggantung operasi semua Produk/Kemudahan dengan memberikan notis kepada saya / kami. Jika notis penggantungan **tidak** dibatalkan oleh Bank dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja atau tempoh lanjutan lain seperti yang dinyatakan dalam notis penggantungan, Bank boleh terus menamatkan Produk / Kemudahan yang digantung dengan memberikan notis penamatkan kepada saya / kami.
 - (iv) Mana-mana pihak boleh menamatkan mana-mana Produk/Kemudahan untuk kemudahan tanpa sebab dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada pihak yang satu lagi.
 - (v) Saya / Kami akan memberitahu Bank dengan segera tentang sebarang perubahan butiran hubungan saya / kami.
 - (vi) Sekiranya saya / kami tidak bersetuju dengan Terma tersebut, saya / kami akan memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta dan memulangkan semua bahan Bank kepada Bank, dan saya / kami tidak dibenarkan menggunakan perkhidmatan pedagang Bank atau mengemukakan caj kepada Bank untuk diproses. Penggunaan perkhidmatan pedagang Bank atau pengemukaan caj kepada Bank untuk diproses menandakan persetujuan saya / kami tanpa syarat terhadap Terma-terma tersebut.
 - (vii) Bank boleh meminda Terma dengan memberi saya / kami notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dengan menyiaran notis pindaan pada Portal Dalam Talian Elektronik Pedagang CIMB (e-Access) atau laman web Bank atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan Pedagang.
13. Saya / Kami dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendaftarkan saya / kami untuk perkhidmatan Portal Dalam Talian Elektronik Pedagang CIMB (e-Access) dengan alamat e-mel yang dinyatakan dalam borang permohonan ini.
14. Saya / Kami memahami dan bersetuju bahawa Akaun Yang Ditetapkan oleh Pedagang mestilah merupakan akaun semasa dengan CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad. Saya / Kami tidak akan menukar atau menutup Akaun yang Ditetapkan Pedagang tanpa kebenaran bertulis Bank terlebih dahulu. Jika Akaun Yang Ditetapkan Pedagang ditukar atau ditutup oleh saya / kami tanpa kebenaran bertulis daripada Bank terlebih dahulu, atau jika Akaun Yang Ditetapkan Pedagang ditutup atas apa-apa jua sebab sekalipun selaras dengan terma dan syarat yang mengawal Akaun Yang Ditetapkan Pedagang, Bank boleh menamatkan Produk / Kemudahan dengan memberikan notis bertulis kepada saya / kami.

15. PENGAKUAN NOTIS PRIVASI

Saya / Kami dengan ini mengakui bahawa saya / kami telah mengakses dan/atau membaca Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di semua cawangan CIMB serta di laman web CIMB di www.cimb.com.my atau telah disediakan kepada saya / kami dengan cara lain) dan mengesahkan perjanjian saya / kami terhadap perkara yang sama.

16. PERSETUJUAN UNTUK PENDEDAHAN MAKLUMAT

Saya / Kami dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan saya/kami, saya/kami dan/atau sebarang akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada saya/kami untuk:

► PENGAKUAN OLEH PEMOHON / PENANDATANGAN YANG DIBENARKAN BAGI PIHAK PEMOHON... SAMBUNGAN

- mana-mana ejen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/atau penasihat profesionalnya, di dalam atau di luar Malaysia;
- entiti dalam kumpulan korporat CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk utama Bank ("Syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat Kumpulan tersebut berada, terletak, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia;

bagi memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan perkhidmatan pedagang, produk / kemudahan kewangan dan pelaksanaan kontrak, perkhidmatan yang diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat Kumpulan kepada pelanggan mereka, serta untuk:

- mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan, permohonan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi yang berpotensi melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pelaksanaan transaksi atau arahan yang saya/kami telah minta dan/atau berikan kepada Bank;
- mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak yang sedang dirunding oleh Bank berkenaan pemindahan, penyerahan hak dan novasi hak atau kewajipan di bawah atau berkaitan dengan perkhidmatan pedagang; dan
- pihak ketiga seperti yang dinyatakan secara khusus dan bagi tujuan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan Pedagang dan terma dan syarat masing-masing yang mengawal setiap akaun, produk dan/atau perkhidmatan, yang memberarkan pendedahan maklumat serta pihak ketiga tersebut dan bagi tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

Saya / Kami memahami dan bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik sekiranya pendedahan maklumat saya/kami diperlukan untuk penyediaan perkhidmatan pedagang, akaun, produk dan/atau perkhidmatan atau pelaksanaan kontrak dengan saya/kami untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

Pendedahan oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) juga mungkin dilakukan untuk tujuan jualan silang Bank dan/atau Syarikat Kumpulan dengan syarat bahawa **pendedahan untuk tujuan jualan silang tidak akan dilaksanakan sekiranya pendedahan tersebut dibantah oleh saya/kami**.

Saya/Kami mengakui dan memahami bahawa pendedahan maklumat saya/kami di atas oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi boleh dibatalkan atau ditarik balik oleh saya/kami pada bila-bila masa dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada saya/kami: Unit Penyelesaian Pelanggan (CRU) P. O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com

17. Saya / Kami menjamin kepada Bank bahawa saya / kami mempunyai kuasa untuk memohon Produk / Kemudahan tersebut dan yang bertandatangan di bawah telah diberi kuasa untuk menandatangi borang permohonan ini dan untuk melaksanakan kewajipan saya / kami di bawah Terma-terma tersebut.

► TANDATANGAN PEMOHON / PENANDATANGAN YANG DIBENARKAN

Nota: Pemohon/Penandatangan Yang Dibenarkan di bawah ini mesti merupakan individu yang diberi kuasa untuk mengendalikan Akaun Yang Ditetapkan Pedagang yang dinyatakan dalam borang permohonan ini.

Nama

Nama

Nombor Pengenalan (MyKad/Pasport)

Nombor Pengenalan (MyKad/Pasport)

Jawatan

Jawatan

Nama

Nama

Nombor Pengenalan (MyKad/Pasport)

Nombor Pengenalan (MyKad/Pasport)

Jawatan

Jawatan

► UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA

Saluran Jualan	Kod Pasukan RED	Kod Cawangan	
<input type="checkbox"/> MSF <input type="checkbox"/> SME <input type="checkbox"/> CSD	<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>
<input type="checkbox"/> Kod Pegawai Jualan Pemerolehan <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>		<input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	
ID Kakitangan <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>		Kod Kempen <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	

Saya telah menyemak permohonan itu dan mengesahkan:

- (a) Penandatangan yang dibenarkan untuk Pemohon ialah individu yang diberi kuasa untuk mengendalikan Akaun Yang Ditetapkan Pedagang dalam rekod Bank.
 - (b) Nombor berdaftar perniagaan/syarikat bagi Pemohon seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan ini adalah sama dengan nombor pendaftaran perniagaan/syarikat Pemohon dalam rekod Bank.
 - (c) Akaun Semasa CIMB yang dinyatakan sebagai Akaun Yang Ditetapkan Pedagang dalam borang ini adalah aktif dalam sistem kami.

Tandatangan Pegawai Jualan

Tandatangan Pegawai Bank yang mengesahkan

Nama

--

Nama

ANSWER

Jawatan

ANSWER

Jawatan

ANSWER